

PERATURAN PERTANDINGAN KARAOKE

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Karaoke

2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan dan dikelolakan oleh _____

3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia
- 3.2 Setiap institusi boleh menghantar _____ **peserta** sahaja.
- 3.3 Peserta boleh memilih sebarang lagu untuk dinyanyikan semasa pertandingan. Senarai lagu-lagu yang terdapat dalam simpanan pihak penganjur akan dipamerkan pada hari pendaftaran. Peserta adalah digalakkan untuk membawa VCD sendiri untuk kegunaan semasa pertandingan.
- 3.4 Pertandingan ini adalah terkecuali dari pertandingan yang lain, oleh itu keputusannya tidak akan dijumlahkan dalam pungutan mata acara-acara sukan yang lain.
- 3.5 Giliran peserta yang akan mengambil bahagian akan diundi semasa pendaftaran diadakan.
- 3.6 Borang penyertaan pertandingan yang telah lengkap diisi hendaklah sampai kepada pihak penganjur selewat-lewatnya pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

4. TEMPAT DAN MASA PERTANDINGAN.

Pertandingan ini akan diadakan di tempat yang akan ditentukan kemudian.

5. PENGADILAN / KEPUTUSAN PENGANJUR.

Pengadil untuk pertandingan ini akan ditentukan oleh pihak penganjur. Sebarang bantahan/rayuan terhadap keputusan pengadil tidak akan dilayan. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD**.

Pihak penganjur berhak untuk membatalkan/meminda pertandingan ini, sekiranya perlu dibuat demikian.

6. HADIAH

Hadiah - hadiah akan diberi kepada Pemenang Tempat Pertama hingga tempat Kelima sahaja.

7. MAKLUMAT LANJUT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi urusetia pertandingan iaitu : -

URUSETIA, Pertandingan
Tel : 03- 87328000